WABAK

ANTARA AZAB & RAHMAT



WABAK

ANTARA AZAB & RAHMAT



UJIAN
COVID-19

Bagaimana
menghadapinya berdasarkan
panduan Al-Quran & As-Sunnah

WABAK: ANTARA AZAB & RAHMAT

BAHAGIAN I/IV

KUARANTIN



W A B A K

ANTARA AZAB & RAHMAT

Bahagian I/IV



Amir bin Sa’ad bin Abi Waqas meriwayatkan bahawa dia mendengar Usamah bin Zaid RA berkata-kata kepada Sa’ad RA, katanya Rasulullah SAW telah menyebut tentang wabak dan bersabda:

“Ia merupakan suatu bentuk azab, di mana sesetengah bangsa telah pun diazab sepenuhnya dan sesetengah yang lain masih lagi ada, dan ia muncul dari masa ke masa.”

“Jadi, sesiapa yang mendengar bahawa berlakunya penularan wabak di dalam sesebuah kawasan, dia tidak boleh pergi ke kawasan itu. Dan jika wabak menular di dalam kawasannya, dia tidak boleh melarikan diri daripada kawasannya itu, daripada wabak itu.”

Sahih al-Bukhari 6974

(Nombor-nombor hadith di sini berdasarkan kitab versi Bahasa Arab)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

I. Kuarantin

ISLAM bukan sekadar agama warisan nenek moyang, tetapi sebuah cara hidup yang merangkumi setiap aspek kehidupan. Untuk sepanjang zaman, ia praktikal dalam memberikan panduan terhadap segala permasalahan, termasuk isu pandemik yang sedang kita hadapi. Dan ia pula jelas bukan agama yang berdasarkan pandangan mana-mana pihak yang tersasar daripada petunjuk yang dibawa oleh Muhammad SAW. Di dalam *Surah al-Ahzab, Ayat 36*; Allah AWJ berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ
ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا

Dan tidaklah bagi Mukminin dan Mukminat; apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu perkara - bahawa adanya bagi mereka sebarang pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada Allah dan RasulNya; dia benar-benar telah tersesat dengan kesesatan yang jelas dan nyata.

Kita perlu memahami bahawa kuarantin bukanlah undang-undang baru ciptaan manusia, yang boleh dijadikan alasan bagi sesiapa yang belum mengetahui dan memahami untuk melanggarnya. Malah, ia adalah undang-undang Allah yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah SAW sejak lebih 1,400 tahun yang lalu; yang antaranya seperti yang termaktub di dalam perenggan kedua sabda baginda di dalam hadith itu tadi.

Di dalam isu ini, umat Islam tertakluk pada kewajipan untuk mentaati perintah pihak berkuasa di negaranya, yang selari dengan *Al-Quran* dan *As-Sunnah*. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan pendapat, setiap pihak haruslah kembali merujuk Allah dan Rasul, seperti firmanNya di dalam *Surah an-Nisa, Ayat 59.* Berdasarkan bukti-bukti yang tulen, tidak ada alasan lagi bagi mana-mana pihak untuk tidak mematuhi perintah kuarantin dalam tempoh berlakunya penularan sesuatu wabak.

Menerusi hadith riwayat Amir bin Sa'ad bin Abi Waqas itu, kita mendapati bahawa wabak merupakan suatu bentuk hukuman yang disebabkan oleh dosa-dosa manusia itu sendiri, seperti firman Allah SWT di dalam *Surah ar-Rum, Ayat 41.* Ia juga sebagai pengajaran agar manusia

segera kembali ke jalan yang benar. Ia muncul dari masa ke masa, dalam skala kecil, dan pernah berlaku sehingga melenyapkan seluruh penduduk sesuatu kawasan.

Ia turut disebut di dalam sebuah hadith akhir zaman riwayat 'Auf bin Malik RA di dalam *Sahih al-Bukhari hadith 3176*, di mana Rasulullah SAW menerangkan bahawa antara tanda dekatnya kedatangan As-Sa'ah (Saat Itu, Kiamat) adalah kemunculan wabak yang akan menular pada manusia seperti yang menularnya pada biri-biri, dengan membawa maksud membunuh dalam skala yang besar. Ini dapat dilihat di dalam lipatan sejarah seperti Black Death yang telah meragut lebih 50 juta nyawa pada pertengahan abad ke-12 Masihi.

Ketika perintah kuarantin berjalan, umat dilarang untuk bebas beraktiviti di luar rumah kecuali dengan alasan yang dibenarkan oleh pihak pemerintah seperti untuk mendapatkan keperluan asas. Dalam keadaan kritikal, umat tidak seharusnya bertemu dan berkumpul meskipun untuk tujuan keagamaan sekalipun, dan penangguhan solat berjema'ah serta solat Juma'at adalah tindakan yang tertakluk pada tanggungjawab pemerintah untuk memelihara

kemaslahatan rakyat. Ini selari dengan hadith-hadith seperti *Sahih al-Bukhari 632, 901, 5707, Sahih Muslim 697, 2221,* dan *Sunan Abu Dawud 1067* (sahih: Al-Albani di dalam *Sahih wa Dha'if Sunan Abu Dawud*, hadith yang tersebut).

Oleh itu, usaha pemerintah dalam menangani wabak ini tidak boleh diganggu dengan alasan seperti "lebih takutkan Allah daripada virus". Ini merupakan salah faham yang barangkali tidak disengajakan oleh sebahagian daripada ikhwan yang kita kasihi. "Taqwa" atau "takut" kepada Allah itu perlu difahami berdasarkan *Al-Quran* dan *As-Sunnah*, bukan kefahaman yang tidak selari, meski dakwaan itu datangnya daripada agamawan sekalipun. Di dalam *Surah az-Zumar*, *Ayat 33*; Rabb kita berfirman:

وَٱلَّذِى جَآءَ بِٱلصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِۦٓ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ

Dan orang yang membawa kebenaran dan mereka yang membenarkannya - mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.

Untuk memahami maksud taqwa secara ringkas, salah satu cara adalah melihat tafsir Ayat ini di dalam *Tafsir Al-Quran al-'Azim* karya ulama

tafsir terkenal mazhab Syafi'e, Al-Hafiz Ibnu Kathir. Menurut Mujahid, Qatadah, Ar-Rabi bin Anas, dan 'Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam - yang dimaksudkan dengan orang-orang yang bertaqwa itu adalah Nabi Muhammad SAW yang membawa kebenaran, dan mereka yang membenarkannya dengan mengikut petunjuk baginda. Ini selari dengan makna *Ayat 36, Surah al-Ahzab* yang telah disebutkan awal tadi.

Dari sudut bahasa, berdasarkan *Arabic-English Dictionary of Quranic Usage* karya ulama Bahasa Arab Klasik, Elsaid M. Badawi - huruf akar trilateral perkataan "taqwa" itu, و-ق-ى (wau-qaf-ya) membawa beberapa pecahan maksud yang antaranya ialah takut, mempunyai kesedaran, mengagumi, berwaspada, melindungi, memelihara diri, dan soleh. Berdasarkan intipati morfologi perkataan "taqwa" dan *Ayat Al-Quran* seperti *Ayat 33, Surah az-Zumar* itu tadi - "takut" itu perlu difahami dalam lingkungan mentaati perintah serta larangan Allah dan RasulNya.

Di dalam soal coronavirus ini, mereka yang mentaati perintah kuarantin yang berasaskan perintah Nabi SAW itu sendiri - mereka itulah yang sebenarnya takut kepada Allah. Umat perlu membuang sifat fanatik terhadap agamawan, dan

meletakkan Allah dan Rasul lebih tinggi daripada mereka, kerana seseorang itu tidak dikira beriman selagi tidak mencintai Muhammad SAW melebihi sesiapa sahaja di dunia ini, seperti sabda baginda melalui hadith bernombor 44 di dalam *Sahih Muslim.*

Umat juga perlu membuang sikap mudah percaya sesuatu dakwaan di dalam agama, sebelum melakukan siasatan sendiri dengan merujuk *Al-Quran* dan *As-Sunnah*, dan sesuai dengan kadar kemampuan. Kerana agamawan hanyalah manusia biasa; kita menghormati mereka namun mereka juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Apalagi lahir di zaman yang barangkali sedikitnya cendekiawan dan ramainya penceramah (*Musnad Ahmad 20864*, sahih: Al-Albani di dalam *Silsilah as-Sahihah 2510*), kita perlu tenang dalam menilai siapakah "ulama" dalam masalah wabak - tentunya pakar-pakar kesihatan.

Oleh itu, kita semua hendaklah memberikan kerjasama dalam menghadapi Ujian 2020 ini, dengan memahami bahawa kita melakukannya untuk mentaati perintah Allah dan RasulNya. Kita harus mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di Itali, di mana penularan COVID-19 yang tidak terkawal itu antaranya turut disumbang oleh

sikap sambil lewa dan tidak patuh terhadap undang-undang. Kita juga boleh belajar daripada sikap disiplin rakyat Taiwan dan usaha yang sistematik oleh pemerintah mereka dalam menangani krisis ini. Dan saat ini, umat harus sedar bahawa satu-satunya pergantungan kita hanyalah Allah.

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَآدَّ لِفَضْلِهِۦ ۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ

Dan sekiranya Allah menimpakan kesusahan ke atasmu, maka tiada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia. Dan sekiranya Dia menghendaki kebaikan bagimu, maka tiada yang dapat menghalang limpah kurniaNya itu. Dia melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang Dia kehendaki di antara abdi-abdiNya. Dan Dialah: Yang Maha Mengampuni, Yang Maha Mengasihani.

Yunus 10:107

ٱللَّهُ أَعْلَم



WABAK: ANTARA AZAB & RAHMAT

BAHAGIAN II/IV

SABAR



W A B A K

ANTARA AZAB & RAHMAT

Bahagian II/IV



‘Aisyah RA meriwayatkan bahawa dia pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang wabak, dan Rasulullah SAW menyampaikan maklumat kepadanya dengan bersabda:

“Wabak adalah azab yang Allah hantarkan kepada sesiapa yang Dia kehendaki, tetapi Allah menjadikannya sebagai rahmat kepada orang-orang yang beriman.”

“Tiada (orang beriman) yang kekal bersabar di dalam sesebuah kawasan yang dilanda penularan wabak dan menganggap apa yang menimpanya itu sebagai takdir Allah kepadanya - melainkan Allah akan memberikan kepadanya ganjaran sama seperti seorang yang mati syahid.”

Sahih al-Bukhari 5734

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

II. Sabar

IMAN adalah nilai utama yang perlu ada pada diri seseorang untuk selamat mengharungi ujian dunia. Betapa besarnya nilai iman itu, sehingga musibah menjadi rahmat kepada orang yang memilikinya. Dan sabar itu pula merupakan sebahagian daripada tujuh puluh lebih cabang iman, yang boleh dilihat di dalam *Syu'ab al-Iman*, sebuah kitab popular ulama hadith mazhab Syafi'e, Al-Bayhaqi. Di dalam *Surah al-Baqarah, Ayat 45-46*; Allah AWJ berfirman:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ

Dan mohonlah pertolongan melalui sabar dan solat. Dan sungguh, ia amat berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk.

ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ

(Iaitu) mereka yang yakin dengan pasti bahawa mereka akan menemui Rabb mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya.

Umat perlu memahami bahawa COVID-19 ini, selain sebagai hukuman kerana dosa-dosa besar, ia juga sebagai ganjaran kepada orang-orang yang beriman. Malah, kematian daripada wabak adalah syahid bagi setiap orang Islam (*Sahih al-Bukhari 5732*). Dalam situasi begini, Islam mendidik manusia agar berfikiran positif, tidak panik; tetapi bersabar dan beriman kepada takdir Allah. Di dalam *Musnad Ahmad 23122* (sahih: Al-Albani di dalam *Sahih al-Jami 1706*); Mahmud bin Labid RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sekiranya Allah mencintai sesuatu kaum, Dia akan menimpakan ujian ke atas mereka. Sesiapa yang bersabar, dia akan menikmati kebaikan yang ada pada sifat sabar itu; dan sesiapa yang berasa cemas, dia akan menanggung keburukan yang ada pada sifat cemas itu."

Di dalam hadith riwayat 'Aisyah RA di hadapan tadi, Nabi SAW memberi penekanan pada salah satu daripada enam rukun iman iaitu takdir. Di akhir zaman, kemunculan golongan yang tidak beriman kepada takdir akan mengundang "maskh" (metamorfosis; *QS2:65* - Bani Israel disumpah menjadi kera), "khasf" (penenggelaman; *QS28:81* - Qarun dan tempat tinggalnya ditelan bumi), dan "qadhf" (pelontaran;

QS15:74 - kaum Lut dihujani batu gunung berapi), seperti yang terakam di dalam *Sunan Ibnu Majah 4061* (hasan: Zubair ‘Ali Zai) dan *Jami’ at-Tirmidhi 2185* (sahih: Zubair ‘Ali Zai).

Melalui hadith riwayat Ibnu ad-Dailami di dalam *Sunan Ibnu Majah* bab 1, hadith 81 (sahih: Zubair ‘Ali Zai); Ubay bin Ka’ab RA, ‘Abdullah bin Mas’ud RA, dan Zaid bin Thabit RA mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Jika Allah hendak mengazab para penghuni langit dan bumi, sudah pasti Dia akan mengazab mereka; dan Dia tidak akan berlaku zalim terhadap mereka. Jika Dia hendak melimpahkan rahmat ke atas mereka, rahmatNya adalah jauh lebih baik bagi mereka daripada amal-amal mereka sendiri.”

“Jika engkau memiliki emas seperti Gunung Uhud yang engkau infaqkan di jalan Allah, ia tidak akan diterima sehinggalah engkau beriman kepada takdir. Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang telah menimpa dirimu, tidak mungkin berlalu pergi; dan apa sahaja yang telah berlalu darimu, tidak mungkin menimpa dirimu.”

"Dan jika engkau mati dalam keadaan beriman kepada kenyataan yang lain daripada ini, engkau akan memasuki neraka."

Saat diuji begini, usahlah berlaku tidak adil dengan menyalahkan takdir. Sebagai contoh: mencemuh ikhwan kita yang tersilap dengan mengatakan jika bukan kerana berpunca daripada mereka, tentulah wabak tidak menular. Namun, hadith itu mengajar kita apa yang telah ditakdirkan tidak dapat diundur kembali. Mana tahu, yang dicemuh itu telah dipilih oleh Allah untuk syahid, sedang yang mencemuh hanya mengotorkan hati sendiri. Apa yang sepatutnya dilakukan adalah berpesan-pesan kepada kebenaran dan kesabaran. Silap yang lalu dijadikan pengajaran dan disambut dengan permaafaan. Ingatlah, Allah: Maha Mengampuni, Maha Mengasihani.

Menyebut tentang punca; dalam menjejaki permulaan virus itu, kita mendapati segelintir daripada umat ini telah terpengaruh dengan cara berfikir Al-Maghdhub dan Adh-Dhalleen, iaitu membuat dakwaan tanpa bukti. Tidak sedikit yang mengambil hadith lubang biawak itu (*Sahih al-Bukhari 7320*) hanya dari sudut gaya hidup, namun terlepas pandang akan sudut yang lebih bahaya iaitu cara berfikir. Umat mestilah bijak dalam membezakan

mana satukah kaedah ilmu dan mana satukah yang bermain-main dengan sangkaan.

Salah satu elemen yang ada pada sifat taqwa itu ialah berwaspada, dan umat Islam mestilah bersabar menahan godaan berteka-teki tentang yang ghaib, agar tidak termasuk kategori mereka yang cenderung kepada kesesatan, seperti firman Allah di dalam *Surah Aal-e-'Imran 3: Ayat 7.* Mengambil peringatan daripada sabda Nabi SAW, cukuplah seseorang itu dikatakan berbohong apabila dia menceritakan apa sahaja yang didengarinya (*Sahih Muslim 5*), yakni tanpa usul periksa. Bagaimana berita-berita palsu berkaitan coronavirus itu telah membawa masalah kepada masyarakat, begitulah juga kesan kaedah "bunga plastik" kepada pegangan seseorang.

Dalam permasalahan wabak, tujuan sebenar mencari punca adalah untuk mencari penawar, bukan teori konspirasi. Setiap daripada kita harus sedar peranan apakah yang sepatutnya dimainkan dalam situasi begini. Maka, kita serahkan sahaja sudut teknikal itu kepada yang pakar. Sebaliknya, kita hendaklah sama-sama membantu melalui doa dan memenuhi perintah Allah di dalam *Ayat 45-46, Surah al-Baqarah* itu tadi - dengan sabar dan solat. Agar kita semua tenang menghadapi ujian,

membuat penilaian, dan mengambil tindakan. Agar umat tidak panik disebabkan oleh tindakan-tindakan yang tidak bijaksana.

Seorang yang beriman itu tidak suka menuding jari, sebaliknya berfikiran positif dan melihat kebaikan pada setiap keadaan, serta mengambil tindakan yang membawa kebaikan lebih-lebih lagi ketika orang ramai sedang berdepan dengan kesukaran. Di dalam *Sahih Muslim 2999*, Suhayb ar-Rumi RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sungguh menakjubkan sekali orang yang beriman itu! Kerana setiap perkara itu menjadi kebaikan baginya, dan ini tidak berlaku kepada orang lain melainkan hanya kepada seorang yang beriman. Sekiranya dia berasa gembira, dia bersyukur; dan itu baik baginya. Dan sekiranya dia dilanda kepayahan, dia bersabar; dan itu juga baik baginya."

Seorang yang beriman juga mengambil kesempatan ini untuk bermuhasabah diri, dan meyakini bahawa kesukaran akan berganti kemudahan, kerana Yang Maha Pemurah tidak menciptakan sesuatu penyakit itu, melainkan Dia turut menciptakan penawarnya (*Sahih al-Bukhari 76/1*).

Dari sudut spiritual, penawar itu sebenarnya sudah pun tersedia untuk dibuka. Di dalam *Al-Isra 17: Ayat 82*, Rabb kita berfirman:

وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَۙ وَلَا يَزِيدُ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Dan Kami turunkan daripada Al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar, dan rahmat kepada orang-orang yang beriman. Tetapi ia tidak menambahkan kepada orang-orang yang zalim, melainkan kerugian.

Marilah kita bermuhasabah, dan bertanya: daripada dosa-dosa besar yang telah dilakukan oleh umat-umat terdahulu yang disebut di dalam *Al-Quran*, dosa manakah yang belum dilakukan oleh umat manusia era ini? Berbahagialah mereka yang mengambil *Al-Quran* untuk merawat hati. Namun, rugilah mereka yang walaupun sedang dihukum oleh Allah dengan "tahanan rumah", tetapi masih enggan untuk berubah...

ٱللَّهُ أَعْلَم



WABAK: ANTARA AZAB & RAHMAT

BAHAGIAN III/IV

RENUNG



W A B A K

ANTARA AZAB & RAHMAT

Bahagian III/IV



إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً

Sungguh, Kami telah menjadikan apa yang ada di atas muka bumi itu sebagai perhiasan baginya; agar Kami menguji siapakah di antara mereka yang ihsan dalam amalan.

وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا

Dan sungguh, Kami pasti akan membuatkan apa yang ada di atasnya itu menjadi padang jarak padang tekukur.

Al-Kahf 18:7-8

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

III. Renung

IHSAN mempunyai konotasi kecemerlangan, dan bermaksud: kebaikan (*QS 55:60*). Salah satu perkataan yang terbit daripada akar yang sama, "ahsan" pula bermakna: melakukan dengan sempurna (*QS 32:7*), memperindahkan (*QS 40:64*), dan memperlakukan dengan baik (*QS 12:100*)(*Arabic-English Dictionary of Quranic Usage: ha/sin/nun, 209-211*). Untuk lebih memahaminya, kita perlu merujuk seorang yang memiliki ilmu agama yang tepat, tulen dan terbaik sepanjang zaman - Muhammad SAW. Di dalam "Hadith Jibril", baginda mendefinisikan "ihsan":

"Bahawa engkau takut kepada Allah seolah-olah engkau sedang melihatNya; dan walaupun engkau tidak melihatnya, sesungguhnya Dia sedang melihatmu."

(*Sahih Muslim Jilid 1/Hadith 1, 5 & 7; Sahih al-Bukhari 2/43, 65/4777; Sunan an-Nasai 47/6 & 7; Sunan Ibnu Majah 1/64 & 66; Sunan Abu Dawud 42/100; Jami' at-Tirmidhi 40/5. Semua dinilai sahih oleh para ulama hadith.*)

Imam Muslim tidak memilih hadith tersebut sebagai hadith pertama, jika bukan kerana umat harus memberikan perhatian kepadanya. Daripada hadith itulah para ulama mengekstrak rukun Islam, rukun iman, ihsan dan dua tanda penting As-Sa'ah; yang relevan dengan zaman ini. Ihsan berkait rapat dengan taqwa, dan selari pula dengan makna "tazkiyat an-nafs" atau penyucian dan penumbuhan jiwa, seperti hadith 'Abdullah bin Mu'awiyah di mana seseorang telah bertanya definisinya, lalu Rasulullah SAW menjawab:

"Seseorang itu mengetahui bahawa Allah AWJ ada bersamanya di mana-mana sahaja dia berada."

(*Al-Mu'jam as-Saghir* At-Tabarani *528*, dinilai sahih oleh Al-Albani di dalam *Silsilah al-Ahadith as-Sahihah 3/38*)

Namun, apakah kaitan ihsan dengan isu wabak? Antara hikmah di sebalik pengurungan ini, adalah masa untuk kita menyucikan jiwa, dengan merenungi dosa-dosa apakah yang telah umat lakukan, sehingga Allah memberikan amaran. Apakah kerana telah muncul Muslim yang berani memperjuangkan kebebasan kaum sejenis (1. *Jami' at-Tirmidhi 1457,* sahih: As-Suyuti, *Jami' as-Saghir 2186*), sehingga Dia benar-benar menghalang kebebasan? Atau sekian lama merelakan diri dizalimi oleh

sistem ekonomi yang berasaskan riba (2. *Musnad Ahmad* 3799, sahih: Ahmad Shakir), sehingga Dia menegur dengan menjejaskan pendapatan? Atau apa lagi?

1. Jabir RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sungguh, (antara) yang paling aku takutkan ke atas umatku adalah perbuatan kaum Lut."
2. 'Abdullah bin Mas'ud RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda, "Allah melaknat seseorang yang memakan riba, yang membayarnya, yang menjadi saksinya, dan yang merekodkannya. Tidaklah berleluasanya riba dan zina di antara sesuatu kaum itu melainkan mereka telah menghalalkan diri mereka sendiri untuk diazab oleh Allah AWJ."

Jika tersalah jalan, pupuklah jiwa untuk takut kepadaNya; kerana tanpa ihsan, peringatanNya bagai mencurah air ke daun keladi. Jangan mudah berasa selamat daripada kemurkaan Allah, dan jangan sesekali berputus asa dengan rahmatNya. Kerana kita semua berdosa... Dan jika sesuatu kaum itu tidak berdosa, Allah akan melenyapkan mereka, dan menggantikannya dengan mereka yang berdosa lalu memohon keampunan daripadaNya, dan Dia pula akan mengampuni mereka (*Sahih Muslim* 2749). Kerana Allah ingin memberitahu bahawa kita memiliki Tuhan Yang Maha Mengampuni. Lalu, untuk apakah lagi ditangguhkan taubat?

Dan apabila kebimbangan COVID-19 ini berakhir nanti, janganlah seperti jiwa-jiwa yang tidak mengenang budi; di saat diri ditimpa bahaya mereka berdoa dengan ikhlas hanya kepada Allah, namun setelah Dia mengurniakan keselamatan malah mereka terus menzalimi diri sendiri dengan mengabaikan perintah dan laranganNya di dalam *Al-Quran*, seperti firmanNya di dalam *Yunus 10: 21-23*. Kerana realitinya, seperti di dalam *Ayat 7-8 Surah Kahfi* di hadapan tadi; dunia ini tidak lain hanyalah dimensi ujian, yang menguji dengan segala bentuk perhiasan, dan apabila sampai waktunya semua itu akan fana.

Antara punca dosa-dosa adalah kelalaian dalam memahami bahawa antara tujuan kita di dunia ini adalah untuk diuji. Seperti firman Rabb kita di dalam *Al-Insan 76: Ayat 1-3*; kita diberikan hanya dua pilihan: (a) untuk menjadi abdi yang bersyukur, atau (b) yang kufur. Untuk mudah memahami pecahan golongan utama di dalam kategori (a) dan (b) yang disebut di dalam *Al-Quran*, kita boleh menggunakan analogi berikut; dengan mengambil dunia sebagai sebuah "dewan peperiksaan", dan kita sebagai salah satu watak yang sedang menjawab kertas soalan:

(a1) **Sang Juara**: memahami arahan soalan dan lebih mudah memilih jawapan yang tepat, kerana mengikuti petunjuk *Guru*, yang berpandukan *Buku Teks* rasmi daripada *Presiden* yang disampaikan oleh *Menteri*; berlumba-lumba menjadi yang terbaik, kerana cinta terhadap *Guru* dan *Presiden* = keputusannya cemerlang, dan dianugerahkan ganjaran yang terbaik, seumur hidup. Malah yang paling hebat yang juga didambakannya adalah peluang untuk menghadap *Tuan Presiden* yang terlalu banyak berjasa kepadanya.

(a2) **Sang Selamat**: walau adakala tersasar dalam memilih jawapan, tetapi sedaya upaya mengikuti petunjuk *Guru*, yang berpandukan *Buku Teks Presiden*; dia takut gagal = lulus, dan mendapat ganjaran daripada *Presiden* yang sangat pemurah dengan rumah agam di kepulauan Maldives dan di pergunungan New Zealand, isteri Miss Universe, kereta Lamborghini Veneno, sut Kiton K-50, jam tangan Louis Moinet Meteoris, masakan chef 17 bintang Michelin, dan pelbagai hadiah misteri.

(b1) **Si Juvana**: memahami arahan soalan tetapi sengaja memutar belit jawapan kerana jiwa memberontak, tidak mengiktiraf *Guru* yang dilantik oleh *Presiden* kerana bersikap rasis dan tidak memenuhi kehendak peribadi; pelanggar

tegar peraturan dewan yang mana seniornya dahulu pun membangkang walau guru daripada bangsanya sendiri sekalipun, dan perintis dalam mengubah *Buku Teks*, yang licik merancang untuk membuat kacau demi menguasai dewan = sudah tentu gagal, dimurkai oleh *Presiden*, dan akan dipenjara serta diseksa seumur hidupnya.

(b2) **Si Hanyut**: tekun menjawab tetapi tidak memahami arahan soalan lalu memilih jawapan yang salah, kerana termakan tipu daya *Si Juvana* yang mempengaruhinya untuk mengubah *Buku Teks Presiden* sesedap rasa, menolak *Guru* semasa, malah meletakkan hak dan kuasa *Guru* terdahulu sama dengan *Presiden*; walaupun mesra terhadap *Sang Juara* dan *Sang Selamat*, namun = tetap gagal, dan dipenjara seumur hidup, kerana apabila menyamakan sahaja kedudukan *Guru* dengan *Presiden* - ia termasuk kategori menghina *Presiden*.

(b3) **Talam Dua Muka**: tidak peduli arahan soalan kerana berasa diri sama taraf dengan *Guru* dan menjawab untuk menunjuk-nunjuk, sekadar berlakon mengikuti petunjuk *Guru*, tetapi membenci *Buku Teks Presiden* serta mahu mengubahnya; dengki terhadap *Sang Juara* dan tergila-gila peranan utama di dalam dewan, berpura-pura baik dengan *Sang Selamat* tetapi

mahu menggagalkannya, malah bersahabat pula dengan *Si Hanyut* dan *Si Juvana*, tetapi jika ada peluang semua mahu ditikam dari belakang = dijanjikan dengan hukuman yang paling berat.

ISLAM, **IMAN**, **IHSAN** & **AS-SA'AH** mengajar kita untuk cemerlang di Hari Akhirat. Dosa-dosa ditangisi namun jiwa sentiasa positif dan tidak berputus asa. Kitab seperti *Dosa-dosa Besar* oleh Syeikh al-Islam mazhab Syafi'e, adh-Dhahabi membuatkan kita gerun; namun itu lebih baik bagi jiwa yang ingin kembali. Agar kita mengenali watak manakah yang diceritakan di dalam "Al-Furqan" itu untuk dijauhi, dan yang manakah dijadikan inspirasi. Inilah saat kita memanfaatkan teknologi digital yang ada untuk melebihkan ilmu agama daripada hiburan. Bagi mereka yang telah memahami Islam, mulakan dengan subjek iman (* *Sunan Ibnu Majah 64,* sahih: Zubair 'Ali Zai), anyasya-Allah.

* Jundub RA meriwayatkan, "Kami bersama Nabi SAW ketika kami masih anak-anak muda yang gagah. Kami mempelajari iman sebelum kami mempelajari *Al-Quran*. Kemudian kami mempelajari *Al-Quran* dan ia memantapkan lagi iman kami."

ٱللَّهُ أَعْلَم



WABAK: ANTARA AZAB & RAHMAT

BAHAGIAN IV/IV

BERSEDIA



W A B A K

ANTARA AZAB & RAHMAT

Bahagian IV/IV



إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا تَسْعَىٰ

Sungguh, As-Sa'ah sedang menghampiri. Aku sengaja menyembunyikannya, agar setiap jiwa dibalas dengan apa yang telah diusahakannya.

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ

Maka, janganlah engkau dipalingkan daripada mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadanya, dan mengikuti hawa nafsunya; kelak nanti engkau binasa.

Ta Ha 20:15-16

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

IV. Bersedia

AS-SA'AH semakin hampir! Jika seseorang itu positif virus Wahan (cinta dunia & takut mati; *Sunan Abu Dawud 4297,* sahih: Al-Albani), dan jika dia tidak tahu kata-kata tadi daripada Tuhannya; dia mungkin mengambil penyataan ini sebagai *"scare tactic"* (memanipulasi pandangan dengan menimbulkan ketakutan). Seperti virus yang bermula di Wuhan, virus Wahan juga tidak mengira status seseorang sama ada rakyat jelata atau golongan elit dalam agama. Andai peringatan itu salah; katakan apakah yang benar? Agama sebagai platform menjadi selebriti dan sumber mengumpulkan kekayaan? Atau cukup sekadar menyampaikan apa yang menyedapkan telinga masyarakat, tanpa sebarang amaran?

Seperti firman Tuhanmu di dalam *Ayat 15-16, Surah Ta Ha* itu tadi; kebenaran itu adalah apa sahaja yang datang daripada Allah dan RasulNya. Dan amaran tentang dekatnya As-Sa'ah itu benar, bukan untuk menakut-nakutkan tanpa sebab. Ia pasti berlaku. Lambakan *Ayat Al-Quran* yang memerintahkan pelaksanaan metodologi BERITA

GEMBIRA & AMARAN di dalam dakwah; tidak akan dapat disangkal oleh para pengikut hawa nafsu. Ikhwan, janganlah memusnahkan dirimu dengan berpaling daripada realiti kedatangan As-Sa'ah, dan terpengaruh dengan cara hidup mereka yang tidak mempercayainya; meskipun bibir mereka itu manis dengan falsafah dunia. Itu hanyalah delusi...

Maka berikanlah peringatan, kerana sememangnya peringatan itu bermanfaat. Dia yang takut: akan mengambil peringatan. Dan dia yang celaka: akan mengelakkannya. Yang akan dibakar di dalam api yang sangat besar! Lalu dia tidak akan mati di dalamnya, dan tidak pula bernyawa. Sudah pasti berjaya: sesiapa yang menyucikan dirinya. Dan mengingati nama Rabbnya, lalu mendirikan solat. Tetapi engkau lebih menyukai kehidupan dunia! Sedangkan akhirat itu jauh lebih baik dan kekal abadi.

Al-A'la 87:9-17

Berbicara tentang As-Sa'ah, kita tidak dapat lari daripada membincangkan "Hadith Jibril". Apabila rukun Islam, rukun iman dan ihsan yang terkandung di dalamnya menjadi butir-butir terpenting agama ini, bagaimana mungkin dua tanda As-Sa'ah yang disebut di dalam hadith itu

boleh dianggap sebagai tanda-tanda yang "biasa" sahaja? Dan Jibril tidak mengunjungi Nabi SAW melainkan atas urusan yang mustahak. Walaupun ia tidak dikategorikan sebagai tanda besar, namun apakah ada kemungkinan bahawa kemunculan kedua-duanya itu menandakan permulaan fasa tertentu? Mari kita perhatikan petikan dialog antara Jibril AS dan Nabi SAW di dalam hadith itu.

Jibril AS:
Terangkan kepadaku tanda-tandanya (As-Sa'ah).

Nabi SAW:
(1) ***Bahawa hamba perempuan akan melahirkan anak puan dan tuannya.*** (2) ***Bahawa engkau akan mendapati para penggembala kambing yang berkaki ayam dan melarat berlumba-lumba antara satu sama lain dalam pembinaan bangunan tinggi.***

(Hadith penuh boleh dilihat melalui nombor rujukan seperti di dalam Bahagian III, serta *Riyadh as-Salihin 1/60* & *40 Hadith Nawawi* 2)

Kita menghormati pentafsiran cendekiawan terdahulu; seperti ulama prolifik mazhab Syafi'e, Ibnu Hajar al-Asqalani yang berpendapat bahawa maksud baris pertama sabda Nabi SAW itu ialah anak-anak yang akan memperhambakan ibu bapa.

Namun, di dalam *Al-Quran* Allah mendidik kita agar mengamalkan prinsip "Allahu a'alam" kerana Dia sahaja yang memiliki pengetahuan yang mutlak. Apa yang boleh dilakukan, seperti yang diajar di dalam hadith itu, adalah untuk melihat tanda-tanda As-Sa'ah; sebagai suatu persediaan (*Riyadh as-Salihin 369*). Seperti melihat awan gelap di langit, kita hanya boleh mengagak - ada masanya lebat dan ada masanya mendung tak bererti hujan.

Kita perlu memahami bahawa tanda-tanda As-Sa'ah yang diberitahu oleh nabi terakhir (*Sahih al-Bukhari 3534*) bukanlah terkaan. Semua itu pasti berlaku, dan menyamakan Muhammad SAW dengan Nostradamus adalah suatu penghinaan. Dan perkataan *"prediction"* tidak dapat berlaku adil kepada seorang nabi kerana menggabungkan kedua-dua elemen: ramalan dan pemberitahuan. Barangkali kerana Bahasa Inggeris itu asas dan sejarahnya adalah kebudayaan pagan. Kebanyakan tanda-tanda As-Sa'ah atau "kiamat" itu sudah pun terjadi. Sebahagian lagi sedang berlaku, tetapi entah mengapa didiamkan sahaja. Dan yang lebih popular adalah tanda-tanda besar yang menunggu.

Suatu tanda itu lebih sukar ditafsirkan atau terlalu metaforikal jika ia belum muncul pada zamannya. Baik, mari kita lihat dua tanda di dalam

hadith itu tadi dan melakukan semakan sama ada sudah pun muncul pada zaman kita ini ataupun masih belum lagi. Baris kedua sabda Nabi SAW itu lebih mudah untuk dikaitkan, kerana pencakar langit boleh dilihat di mana-mana sahaja hari ini, dan yang tertinggi adalah 2,722 kaki, iaitu Burj Khalifa di Dubai. Sebelum itu, kita perlu berundur empat puluh tahun ke belakang untuk menjenguk dua helaian sejarah dunia pada lewat 1970-an.

(1) **1978** - bayi tabung uji pertama, Louise Brown dilahirkan di United Kingdom. Hari ini, dijangka lebih lima juta bayi di seluruh dunia lahir melalui proses ibu tumpang atau IVF; di mana seorang perempuan diupah untuk mengandungkan anak orang lain dengan memasukkan embrio yang terhasil daripada cantuman ovum dan sperma sesuatu pasangan. Adakah ini masih dianggap metafora kepada maksud "hamba perempuan akan melahirkan anak puan dan tuannya"? Bukankah seseorang yang diupah untuk bersusah payah bagi mereka yang membayarnya itu sama sahaja tugasnya seperti seorang hamba sahaya pada zaman Rasulullah SAW?

(2) **1979** - bangunan tinggi pertama di United Arab Emirates dan tertinggi di Timur Tengah ketika itu dengan 39 tingkat, Dubai World Trade Centre telah

siap dibina. Ia menjadi perangsang kepada negara yang pada suatu ketika dahulu dihuni oleh majoritinya penggembala kambing yang miskin - untuk menjuarai takhta pencakar langit dunia. Hari ini, UAE memiliki 65 buah bangunan tinggi yang melebihi 656 kaki dan sedang menyiapkan The Tower di Dubai Creek Harbor dengan ketinggian 3,044 kaki. Pesaing terdekat pula, Arab Saudi sedang membina Jeddah Tower dengan ketinggian dijangka 3,280 kaki. Adakah ini masih belum cukup menjadi tafsir baris kedua sabda Nabi SAW itu?

Jika kita meneliti, dua peristiwa yang berlaku pada dua tahun berturut-turut itu belum pernah terjadi pada mana-mana zaman sejak kelahiran Muhammad SAW, atau barangkali sejak dunia ini dicipta. Dekad 1970-an juga melahirkan antaranya: zaman emas kepada industri hiburan dunia, penyalahgunaan dadah dan promosi seks bebas, pembedahan plastik sebagai kerjaya, dan sistem petrodollar di mana peristiwa Nixon Shock telah menyebabkan seluruh dunia terpaksa akur dengan sistem mata wang yang sebenarnya tidak memiliki nilai intrinsik - mungkin inilah zaman di mana kita semua terkena debu riba (*Musnad Ahmad 10191*, sahih: Ahmad Shakir, *Umdat ut-Tafsir 1/332*).


Dalam mengharungi pelbagai ujian; kita perlu bersedia menghadapi segala kemungkinan, sedar pada zaman manakah kita sedang berada, dan menanam wawasan kerana Allah. Dia tidak akan mengubah keadaan kita jika kita tiada keinginan dan usaha (*Ar-Ra'd 13:11*). Antara Sunnah Khulafa ar-Rasyidin itu adalah beriman kepada takdir dengan membuat persediaan menuju ketetapan gemilang yang telah dijanjikan. Bukan melalui keganasan yang merosakkan imej Islam tetapi bermula dengan penyucian jiwa. Keterpaksaan hidup di dalam "gua" ketika ini mungkin peringatan untuk kita membaca, memahami dan mengamalkan "Surat Gua" itu, *Surah Kahfi*.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

"Rabb kami... Kurniakanlah kepada kami, dari sisiMu: rahmat. Dan permudahkanlah bagi kami, dalam segala urusan kami, dengan: petunjuk jalan kebenaran."

ٱللَّهُ أَعْلَم





@alfityah18